

AS turun kadar faedah beri kesan baik jangka panjang

Pasaran tempatan, ringgit dijangka lebih kukuh: Penganalisis

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Pasaran tempatan memberikan reaksi berbeza terhadap keputusan Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) mengurangkan kadar faedahnya sebanyak 25 mata asas.

Nilai ringgit susut semalam iaitu daripada sekitar RM4.128 berbanding dolar AS pada Isnin lalu kepada sekitar RM4.1458, susulan penurunan kadar berkenaan adalah lebih kecil berbanding jangkaan sebelumnya iaitu 50 mata asas.

Namun begitu, penganalisis umumnya menjangkakan presta-

si Bursa Malaysia dan ringgit akan menerima kesan kukuh untuk jangka masa sederhana dan panjang daripada perkara itu.

Penganalisis Ekonomi, Prof Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata impak jangka masa sederhana adalah pengurus dana global dijangka membawa keluar pelaburan dari aset hutang dan ekuiti Amerika Syarikat (AS).

Aimi berkata, Malaysia dijangka akan mendapat manfaat daripada perkara itu apabila pengurus dana global melabur di pasaran modal luar yang lain selain AS.

“Apabila mereka beralih arah membeli saham-saham di Bursa Malaysia, pastinya ia akan memberikan impak positif sekali gus meningkatkan kadar ringgit kerana pelabur akan membeli saham dalam ringgit.

“Begini juga apabila pengurus dana melabur ke pasaran ekuiti di negara luar dari AS, semestinya mereka menjual dolar AS untuk melabur dalam mata wang negara yang berkenaan dan ini pula akan

menyebabkan dolar AS melemah.

“Harga minyak mentah juga dijangka meningkat kerana kontrak jualan dan belian dijalankan dalam dolar AS, maka ramai yang akan mengambil peluang membeli minyak untuk mengambil peluang dolar AS yang lemah. Permintaan yang tinggi juga secara langsung menaikkan harga minyak, memberi kelebihan kepada Malaysia yang banyak bergantung kepada pasaran minyak mentah,” katanya.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff pula berkata, ringgit dijangka mengukuh dan ada kemungkinan pelabur akan bertumpu kepada Bursa Malaysia kerana kadar faedah di AS tidak lagi menarik.

Beliau berkata, penurunan kadar faedah itu secara teori seharusnya merancakkan lagi ekonomi AS kerana rakyatnya akan lebih berbelanja dan tidak menyimpan.

“Ini juga akan meningkatkan pasaran domestik. Tetapi import barang masuk ke dalam AS akan menjadi mahal kerana nilai dolar AS yang bakal jatuh dan sekali gus boleh menjadikan peluang kepada perniagaan dari Malaysia.

“Namun ia sebaliknya membolehkan kita menjimatkan kos import, sekali gus meningkatkan amaun akaun semasa kepada lebih positif,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pakar Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid mempunyai pandangan berbeza dan menyatakan ringgit dijangka lemah berikutan kadar faedah dijangka tidak turun secara drastik.

Beliau berkata, langkah AS itu adalah tepat serta bersesuaian dengan situasi ekonomi semasa dan secara umumnya, penurunan kadar faedah ini adalah sebagai langkah awal untuk memastikan pertumbuhan ekonomi AS kekal mapan.



Ada kemungkinan pelabur akan bertumpu kepada Bursa Malaysia kerana kadar faedah di AS tidak lagi menarik.

Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pengurus Pembangunan
Perniagaan PBS